



KENYATAAN MEDIA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

MAKLUM BALAS JABATAN PERIKANAN BERKAITAN KES ADUAN PENGGUNAAN DAGING BABI SEBAGAI MAKANAN IKAN TERNAKAN KOMERSIAL DI SUNGAI SIPUT SELATAN, DAERAH KAMPAR, PERAK

1. Jabatan Perikanan telah menjalankan siasatan secara bersepadu (NBOS) bersama Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Agama Islam Perak serta Majlis Daerah Kampar dan mendapati bahawa kolam ternakan ikan tersebut diusahakan secara haram di dalam **bekas lombong seluas 5 hektar di Kuala Dipang, Daerah Kampar Perak.**
2. Serbuan dan siasatan tersebut telah dijalankan pada 7 Mac 2017 dan mendapati bahawa penternak **tidak berdaftar** dengan Jabatan Perikanan Perak dan **tidak mendapat kelulusan tapak** dari Pejabat Tanah Kampar. Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengesahkan bahawa tulang haiwan yang dijumpai di lombong tersebut adalah **tulang khinzir.**

3. Jabatan Perikanan telah menjalankan pensampelan ikan dan air di tempat kejadian dan sampel tersebut dihantar ke makmal Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur untuk **analisis DNA Khinzir**. Sampel ikan yang telah disampel adalah ikan Pacu dan ikan Tilapia Hitam.
4. Pejabat Tanah Kampar akan mengambil **tindakan** ke atas pengusaha ini kerana mengusahakan ikan di atas **tanah haram**.
5. Jabatan Perikanan akan memberi penerangan berkaitan **Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) WP Kuala Lumpur dan Labuan** yang telah diwartakan pada 28 Februari 2017 dan dikuatkuasakan pada 1 Mac 2017 yang lalu supaya boleh dijadikan panduan untuk diguna pakai di semua negeri supaya aktiviti akuakultur di peringkat negeri-negeri dapat dikawal selia dengan lebih berkesan dan tindakan yang sewajarnya boleh diambil ke atas kes-kes seperti ini.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh:-

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Jabatan Perikanan Malaysia
14 Mac 2017 (Selasa) jam 10.00 pagi